



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS	:	UNDANG-UNDANG KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM
KOD KURSUS	:	DPI 2143
PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2018
MASA	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua (2)** bahagian: BAHAGIAN A (30 Markah)
BAHAGIAN B (70 Markah)
2. Jawab **BAHAGIAN A** di dalam kertas jawapan objektif dan **BAHAGIAN B** di dalam buku jawapan yang diberikan.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 19 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A (SECTION A) [30 MARKAH/MARKS]

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan. Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

(*This section consists of THIRTY (30) questions. Answer ALL questions in the Objective Answer Paper.*)

1. Apabila Maisurah menunjukkan kerelaannya untuk menjual sebuah kereta kepada Ain tanpa melibatkan apa-apa paksaan, konsep ini boleh dianggap sebagai

(*When Maisurah signifies her willingness to sell a car to Ain without involving the use of any force, this concept is known as*)

- A tawaran.
(*offer.*)
- B balasan.
(*consideration.*)
- C penerimaan.
(*acceptance.*)
- D pelawaan untuk membuat cadangan.
(*invitation to treat.*)

Sesuatu komunikasi awal di mana pihak - pihak masih lagi di peringkat perbincangan

(*It is preliminary communication which passes between the parties at the stage of negotiation*)

Kenyataan 1

2. Apakah prinsip yang dirujuk oleh Kenyataan 1 di atas?

(*Which of the following principles is referred to the above statement?*)

- A Balasan lampau.

(*Past consideration.*)

- B Komunikasi penerimaan.

(*Communication of acceptance.*)

- C Pelawaan untuk membuat cadangan.

(*Invitation to treat.*)

- D Niat untuk mewujudkan hubungan undang-undang.

(*Intention to create legal relation.*)

3. "Balasan menjadi lampau apabila janji dibuat selepas daripada dan sebagai balasan bagi perbuatan yang telah dilakukan." Penyataan ini merujuk kepada

(*"A consideration becomes past when a promise is made subsequent to and in return for an act that has already been performed." The statement refers to the concept of*)

- A balasan.

(*consideration.*)

- B penerimaan.

(*acceptance.*)

- C balasan lampau.

(*past consideration.*)

- D balasan tersempurna.

(*executed consideration.*)

4. Apakah yang dikatakan sebagai balasan tersempurna?

(*What is executed consideration?*)

A Balasan tidak semestinya memadai.

(*Consideration need not be adequate.*)

B Apabila sesuatu janji dibuat sebagai balasan untuk satu lagi janji.

(*When one promise is made in return for another.*)

C Apabila janji dibuat sebagai balasan bagi pelaksanaan sesuatu perbuatan.

(*When a promise is made in return for the performance of an act.*)

D Apabila janji dibuat selepas daripada dan sebagai balasan bagi perbuatan yang telah dilaksanakan.

(*When a promise is made subsequent to and in return for an act that has already been performed.*)

5. Apakah yang berlaku di dalam kes **Venkata Chinnaya v Verikata Ma'ya (1881)**?

(*What was illustrated in the case of Venkata Chinnaya v Verikata Ma'ya (1881)?*)

A Tawaran untuk membeli kenderaan.

(*An offer to purchase a vehicle.*)

B Kepastian terma di dalam kontrak.

(*Certainty of the term of the contract.*)

C Pengecualian kepada prinsip penerimaan.

(*Exception to the general rule of acceptance.*)

D Balasan tidak semestinya datang daripada penerima janji.

(*Consideration need not come from the promisee.*)

6. Berikut merupakan perkara yang dilarang di dalam perbankan Islam **kecuali**
(Islamic banking prohibits the following except)

- A riba.
(usury.)
- B perjudian.
(maisir.)
- C ketidakpastian.
(gharar.)
- D wang pendahuluan.
(security deposit.)

7. Sumber undang-undang Islam terdiri daripada berikut **kecuali**
(Sources of Islamic law comprises of the followings except

- A aqad.
- B ijmak.
- C al-quran.
- D as-sunnah.

8. Manakah antara berikut merupakan definisi 'aqad' menurut Artikel 103 Mejelle? (*Which of the following is the definition of 'aqad' according to Article 103 Mejelle?*)

- A Aqad berlaku apabila satu pihak bersetuju melakukan tawaran.
(*Aqad occurs when one party agrees to make an offer.*)
- B Aqad berlaku apabila hanya satu pihak bersetuju melakukan penerimaan.
(*Aqad occurs when only one party agrees to make an acceptance.*)
- C Aqad berlaku apabila dua pihak bersetuju melakukan satu ikatan melalui tawaran dan penerimaan.
(*Aqad occurs when two parties agree to make a binding contract through an offer and an acceptance.*)
- D Aqad berlaku apabila satu pihak bersetuju melakukan tawaran tetapi tiada penerimaan yang dibuat oleh pihak satu lagi.
(*Aqad occurs when one party agrees to make an offer but no acceptance is made by the other party.*)

9. Berikut merupakan unsur-unsur utama dalam pembentukan kontrak dalam Islam. (*The following are the main key elements in the formation of Islamic contract.*)

- A Ijab, Qabul, Syarat Ijab dan Qabul, Sighah, Ridha, Majlis al-Aqad, Mahall, Sabab, dan Syarat Ahliyah.
- B Ijab, Qabul, Syarat Ijab dan Qabul, Sedekah, Ridha, Majlis al-Aqad, Mahall, Sabab, dan Syarat Ahliyah.
- C Ijab, Qabul, Syarat Ijab dan Qabul, Sighah, Riba, Majlis al-Aqad, Mahall, Sabab, dan Syarat Ahliyah.
- D Ijab, Qabul, Syarat Ijab dan Qabul, Sighah, Ridha, Majlis al-Aqad, Mejelle, Sabab, dan Syarat Ahliyah.

10. Menurut Artikel 1531 Mejelle, seseorang boleh melepaskan diri daripada tanggungan melaksanakan kewajipan melalui kompromi atau sulh, iaitu pengenepian perselisihan melalui persetujuan. Berikut merupakan bentuk-bentuk kompromi di dalam pelepasan kontrak Islam **kecuali**

*(According to Article 1531 Mejelle, a person may discharge his obligation by discharging the obligation through compromise or sulu, ie waiver of dispute by consent. The following are forms of compromise in the release of Islamic contracts **except**)*

- A iqrar sulh.
- B inkar sulh.
- C infaq sulh.
- D sukut sulh.

11. Manakah antara berikut **benar** mengenai perjanjian sewa beli?

*(Which of the following statements is **true** regarding a hire purchase agreement?)*

- A Perjanjian sewa beli boleh dibuat secara lisan.
(A hire purchase agreement can be made orally.)
- B Perjanjian sewa beli mestilah dibuat secara bertulis.
(A hire purchase agreement must be in writing.)
- C Perjanjian sewa beli boleh dibuat samada secara bertulis atau lisan.
(A hire purchase agreement can be either in writing or orally.)
- D Perjanjian sewa beli tidak batal semata-mata kerana tulisan tangan yang tidak jelas dan tidak dapat dibaca.
(A hire purchase agreement is not void merely because the hand writing is not clear and legible.)

12. Di dalam perjanjian sewa beli, penyewa berhak kepada hak-hak di bawah kecuali

(In a hire purchase agreement, the hirer is entitled to the rights stated below except)

- A hak untuk mengagihkan pembayaran.
(the right to distribute the payments.)
- B hak untuk mendapat maklumat dan dokumen.
(the right to get the information and documents.)
- C hak untuk menyorok barang apabila berlaku tunggakan.
(the right to hide the goods in arrear.)
- D hak untuk memohon mengubah tempat simpanan barang.
(the right to change the place of goods.)

13. Pemilik boleh membuat pemilikan semula barang dari penyewa jika
(The owner can repossess the goods from the hirer if)

- A penyewa gagal membayar ansuran pertama.
(the hirer fails to pay the first instalment.)
- B penyewa lewat membayar ansuran selama dua hari.
(the hirer pays the instalment two days after due date.)
- C penyewa gagal menjelaskan ansuran dua bulan berturut-turut.
(the hirer fails to pay two successive instalments.)
- D selepas kematian penyewa, wakil gagal membayar ansuran selama dua bulan berturut-turut.
(upon the hirer's death, the personal representative fails to pay two successive instalments.)

14. Manakah antara berikut merupakan kes yang memutuskan notis kurang 21 hari adalah tidak sah bagi pengambilan semula milikan barang?

(Which of the following is a decided case which shows that the notice which is less than 21 days is invalid for repossession of goods?)

- A *Taylor v Caldwell.*
- B *Bolton v Mahadeva.*
- C *Kerpa Singh v Bariam Singh.*
- D *Phang Brothers Motors Sdn Bhd v Lee Aik Seng.*

15. Berikut merupakan pihak-pihak yang terlibat di dalam bil pertukaran **kecuali**

(The following are the parties to a bill of exchange **except**)

- A penerima bil.
(drawee.)
- B pengeluar bil.
(drawer.)
- C pengeluaran.
(drawing.)
- D penerima bayaran.
(payee.)

" Pengendorsan ini mencegah rundingan seterusnya mengenai bil pertukaran. Tidak berhak memindah milik hak, tetapi hanya berhak untuk menerima pembayaran".
(*This type of indorsement prevents further negotiation of the bill of exchange. There cannot be a transfer of ownership anymore; there is only right to receive payment.*)

Kenyataan 2

16. Manakah antara berikut merupakan jenis pegendorsan yang dinyatakan di dalam Kenyataan 2 di atas?

(*Which of the following is a type of indorsement stated in the above statement?*)

- A Pengendorsan terhad.
(*Restrictive indorsement.*)
- B Pengendorsan kosong.
(*Blank indorsement.*)
- C Pengendorsan khas.
(*Special indorsement.*)
- D Pengendorsan bersyarat.
(*Conditional indorsement.*)

17. Undang-undang mengenai cek di Malaysia ditadbirkan oleh

(*The law on cheques in Malaysia is governed by the*)

- A Akta Kontrak 1950.
(*Contract Act 1950.*)
- B Akta Cek 1950.
(*Cheques Act 1950.*)
- C Akta Sistem Kewangan 2013.
(*Financial System Act 2013.*)
- D Akta Bil Pertukaran 1949.
(*Bill of Exchange Act 1949.*)

18. Cek adalah _____ yang dikeluarkan ke atas sesuatu _____ yang kena dibayar apabila _____.
(A cheque is a _____ drawn on _____ payable on _____.)

- A bil pengeluaran, jurubank, pandangan
(withdrawal bill, banker, sight)
- B bil pertukaran, jurubank, dituntut
(bill of exchange, banker, demand)
- C nota janji, jurubank, tarikh tertentu
(promissory note, banker, specified date)
- D bil pertukaran, jurubank, pada suatu tarikh yang ditentukan
(bill of exchange, banker, at a fixed or determinable future time)

19. Sebuah cek perlu dipalang
(A cheque needs to be crossed)

- i untuk tujuan keselamatan.
(for security purpose.)
- ii jika tidak dipalang ianya tidak sah.
(otherwise it is not valid.)
- iii untuk menjadikan ianya lebih bernilai.
(to make it more valuable.)
- iv untuk memberi perlindungan yang baik.
(to give better protection.)

- A i dan ii.
- B ii dan iii.
- C i dan iii.
- D i dan iv.

20. Husna, semasa mengeluarkan cek, telah membuat palangan dengan dua garis melintang yang selari dan menambah di antara baris tersebut perkataan "Bank Shah Pika Berhad" bersama-sama dengan perkataan "tidak boleh diniaga". Apakah jenis pemalangan yang dibuat oleh Husna?

(*Husna, while issuing a cheque, had crossed it with two parallel transverse lines and added in between those lines the words "Bank Shah Pika Berhad" together with the words "not negotiable". Which type of crossing that was made by Husna?*)

- A Palangan khas.

(*Special crossing.*)

- B Palangan am.

(*General crossing.*)

- C Palangan terhad.

(*Limited crossing.*)

- D Palangan tidak terhad.

(*Unlimited crossing.*)

21. Berikut merupakan jenis cek yang sah **kecuali**

(*The following are types of a valid cheque except*)

- A cek tamat tempoh.

(*a stale cheque.*)

- B cek tidak bertarikh.

(*an undated cheque.*)

- C cek tarikh hadapan.

(*a postdated cheque.*)

- D cek tarikh tertunda.

(*an ante dated cheque.*)

22. Undang-undang perbankan Islam di Malaysia ditadbir oleh
(*The law on Islamic banking in Malaysia is governed by the*)

- A Akta Bank Islam 1989.
(*Islamic Banking Act 1989.*)
- B Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
(*Financial Services Act 2013.*)
- C Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
(*Islamic Financial Services Act 2013.*)
- D Akta Perkembangan Institusi Kewangan 2002.
(*Development of Financial Institution Act 2002.*)

23. Apakah badan berkuasa yang bertanggungjawab memastikan penggunaan undang-undang Islam bagi hal-hal kewangan di dalam perbankan Islam?
(*For Islamic banking, what is the body of authority whose responsibility is to ensure the compatibility of Islamic law on any financial matter?*)

- A Majlis Penasihat Shariah.
(*Shariah Advisory Council.*)
- B Majlis Perbankan Shariah.
(*Shariah Banking Council.*)
- C Majlis Takaful Shariah.
(*Shariah Takaful Council.*)
- D Majlis Kewangan Shariah.
(*Shariah Financial Council.*)

24. Berikut merupakan kontrak utama di dalam kewangan Islam kecuali
(*The following are main Contract in Islamic Finance except*)

- A Ijarah.
- B Qana'ah.
- C Mudharah.
- D Murabahah.

25. Apakah majlis yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 untuk menentukan hukum syarak bagi maksud perniagaan kewangan Islam di bawah penyeliaan bank negara?

(*What is the body established under the Central Bank of Malaysia Act 2009 to determine the Shariah law for the purpose of Islamic financial business under the supervision of the Central Bank?*)

A. Majlis Menteri.

(*Ministry council.*)

B. Majlis raja-raja.

(*Royal council.*)

C. Majlis Penasihat Agama.

(*Religious Advisory council.*)

D. Majlis Penasihat Syariah.

(*Shariah Advisory council.*)

“... mahkamah memutuskan bahawa bank tidak bersalah atas kesilapan majikan yang tidak berhati-hati dan cuai dalam menjalankan tugas...” (“... the court held that the bank is not guilty on the reason of mistake and negligence done by the employer in his duty...”)

Kenyataan 3

26. Berdasarkan keputusan mahkamah di dalam Kenyataan 3 di atas, pilih kes yang betul.

(*Based on the judgement above, choose the right case.*)

A *Foley v Hill*

B *Woods v Martins Bank Ltd.*

C *Westminster Bank Ltd. v Hilton*

D *London Joint Stock Bank Ltd. v Macmillan & Arthur*

27. Manakah antara berikut merupakan kes yang merujuk kepada hubungan fidusiarai di dalam bentuk-bentuk perhubungan bank dan pelanggan?

(Which of the following cases refers to the fiduciary relationship between the bank and the customer?)

- A *Foley v Hill*
- B *Woods v Martins Bank Ltd.*
- C *Westminster Bank Ltd. v Hilton*
- D *London Joint Stock Bank Ltd. v Macmillan & Arthur*

28. Perintah _____ merupakan suatu perintah mahkamah yang memberi amaran kepada penghutang supaya tidak membayar hutang kepada pemiutang lain selain dari pihak bank yang telah mendapat penghakiman mahkamah bagi penyelesaian hutang.

(_____ order is a court order which warns the debtor not to repay the debts to other creditors other than the bank which has received court judgment for the settlement of the debt.)

- A garnisi
(garnishee)
- B injunksi
(injunction)
- C pembekuan
(freezing)
- D pelaksanaan spesifik
(specific performance)

29. Berikut merupakan jenis-jenis penamatan hubungan bank dengan pelanggan **kecuali**

(*The following are types of termination of bank and customer relationship except*)

- A perintah garnisi.
(*garnishee order.*)
- B penutupan akaun.
(*account closing.*)
- C kematian pelanggan.
(*customer's death.*)
- D pelanggan sempurna akal.
(*customer's sound mind.*)

30. Pilih kenyataan yang betul mengenai kesan penutupan akaun bank.

(*Choose the best statement about the effect of closing a bank account.*)

- A Pembatalan cek boleh dilaksanakan tanpa pengesahan pelanggan.
(*A cancellation of cheque can be made by an unauthorised countermand.*)
- B 'Bad cheque offender' berlaku apabila cek pelanggan dipulangkan sebanyak 3 kali dalam masa 3 tahun.
(*Bad cheque offender occurs when a customer's cheque was returned to him three times within 3 years.*)
- C Pembatalan cek boleh dilakukan secara lisan dengan syarat ianya dibuat oleh pelanggan dan dengan terma yang jelas.
(*The cancellation of a cheque can be made verbally provided that, it is made by the customer with the clear terms.*)
- D Setelah perhubungan bank dan pelanggan ditamatkan, pihak bank tidak perlu merahsiakan akaun pelanggannya.
(*After the closing of a bank account, there is no need for the bank to keep the secrecy of the customer's account.*)

[30 MARKAH/MARKS]

BAHAGIAN B (SECTION B) (70 MARKAH/MARKS)

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

(*This section consists of SEVEN (7) questions. Answer ALL question in the Answer Booklet*)

SOALAN 1

Di dalam kes *Hyde v Wrench (1840)*, "mahkamah memutuskan bahawa tawaran balas yang dibuat memansuhkan tawaran asal..."

Dengan merujuk kepada keputusan mahkamah di atas, huraikan fakta kes di atas dan terangkan maksud "tawaran balas".

(*In the case of Hyde v Wrench (1840), "the court held that, the counter offer is treated as a rejection of the original offer..."*

With reference to the above decided case, elaborate on the fact of the case and explain the meaning of counter offer.)

(10 markah/marks)

SOALAN 2

Menurut kontrak jual beli di dalam Islam, bezakan di antara bay al-salam dengan bay bithaman ajil.

(*According to the contract of the sale of goods in Islam, differentiate between deferred delivery and deferred sales.)*

(10 markah/marks)

SOALAN 3

Donia telah menandatangani suatu perjanjian sewa beli sebuah kereta Myvi. Berdasarkan peruntukan di bawah Bahagian IV Akta Sewa Beli 1967, nasihatkan Donia berkenaan perkara di bawah:

(*Donia entered into a hire purchase agreement to purchase a Myvi. With respect to the provisions of Part IV of the Hire Purchase Act 1967, advise Donia on the following matters:)*

- i Donia berhasrat untuk membiarkan adiknya Akhira untuk meneruskan perjanjian sewa beli

(*Donia wishes to let her younger sister, Akhira, continues with the hire purchase agreement)*

- ii Donia berhasrat untuk memendekkan tempoh perjanjian sewa beli

(*Donia wishes to shorten the duration of the hire purchase agreement.)*

(10 markah/marks)

SOALAN 4

Berdasarkan seksyen 3(1) Akta Bil Pertukaran 1949, lakarkan contoh bil pertukaran dan huraikan secara ringkas mengenai ciri-ciri penting bil pertukaran tersebut.

(*Based on the section 3 (1) of the Bill of Exchange Act 1949, draw an example of the bill and briefly explain the characteristic of a bill of exchange).*

(10 markah/marks)

SOALAN 5

Berdasarkan seksyen 76 Akta Bil Pertukaran 1949, bezakan di antara pemalangan khas dan pemalangan "tidak boleh niaga".

(*Based on the section 76 of the Bill of Exchange Act 1949, differentiate between special crossing and "not negotiable" crossing.)*

(10 markah/marks)

SOALAN 6

Secara ringkas, jelaskan kuasa dan fungsi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara.
(Briefly explain the authority and functions of the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia.)

(10 markah/marks)

SOALAN 7

Terdapat pelbagai cara penamatan hubungan antara bank dengan pelanggan.
Secara ringkas,uraikan perintah garnisi.
(There are various terminations of customer-bank relationships. Briefly describe the garnishee order.)

(10 markah/marks)

[70 MARKAH/MARKS]

KERTAS SOALAN TAMAT

(END OF QUESTIONS)